

A. Lengkapi ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 _____ di sekolah itu dilengkapi dengan beberapa buah komputer untuk memudahkan murid-murid melayari Internet.
- A Makmal sains C Bilik kesihatan
B Bilik komputer D Stor sukan
- 2 Jabatan Alam Sekitar sentiasa _____ perindustrian agar tidak membuang sisa toksik ke dalam sungai.
- A menyaksikan kilang-kilang
B menonton kilang-kilang
C mengintip kilang-kilang
D memantau kilang-kilang

B. Tukarkan ayat-ayat tunggal di bawah ini supaya menjadi satu ayat majmuk.

- 1 (a) Emak menyiram pokok bunga di halaman rumah.
(b) Kakak menyiram pokok bunga di halaman rumah.

- 2 (a) Pak Kadir menebang pokok di belakang rumah.
(b) Pak Kadir menebas rumput di belakang rumah.

C. Tukarkan ayat susunan biasa kepada ayat susunan songsang.

- 1 Encik Zainal mengusahakan tanah subur di belakang rumahnya dengan tanaman sayur.

- 2 Saya membersihkan kawasan rumah setiap tiga hari sekali.

- 3 Arman dan Mei Ying menyertai pertandingan badminton di sekolah mereka pada hari esok.



Revisi Pantas

Frasa

- Satu susunan atau binaan yang mengandung sekurang-kurangnya sepatah perkataan yang berpotensi untuk dikembangkan.

Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk

- Ayat tunggal ialah ayat yang terdiri daripada satu subjek dan satu predikat.
- Contoh ayat tunggal:
 - Ibu saya seorang doktor di Hospital Tanjung Karang.
- Ayat majmuk ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu subjek atau satu predikat yang digabungkan dengan kata hubung.
- Contoh ayat majmuk:
 - Ayah **dan** abang mencuci kereta di halaman rumah.

Ayat Susunan Biasa dan Ayat Susunan Songsang

- Ayat susunan biasa ialah ayat yang subjeknya diletakkan di hadapan, mendahului kedudukan predikat.
- Ayat susunan songsang ialah ayat yang seluruh atau sebahagian predikatnya diletakkan di hadapan, mendahului kedudukan subjek.
- Contoh proses menukarkan ayat susunan biasa kepada ayat susunan songsang:
 Susunan biasa:
Beliau sudah lama menetap
di Australia.
 Susunan songsang:
Sudah lama menetap di Australia
beliau. (Pendebaran seluruh predikat)
Sudah lama beliau menetap di
Australia. (Pendebaran sebahagian daripada predikat)